



# SIARAN MEDIA

## E-REBAT PROGRAM SAVE 3.0 UNTUK PEMBELIAN PERALATAN ELEKTRIK CEKAP TENAGA

Program *Sustainability Achieved Via Energy Efficiency* (SAVE) 3.0 yang dilancarkan oleh Kementerian Tenaga dan Sumber Asli (KeTSA) hari ini adalah program pemberian e-rebat kepada pengguna untuk pembelian peralatan elektrik cekap tenaga berlabel 4 atau 5 Bintang oleh Suruhanjaya Tenaga bagi tahun 2022. SAVE 3.0 yang dibiayai oleh Dana Akaun Amanah Industri Bekalan Elektrik (AAIBE) adalah kesinambungan daripada Program SAVE 1.0 dan SAVE 2.0 dengan penambahan jenis peralatan elektrik cekap tenaga.

Penyediaan insentif e-rebat ini bertujuan menggalakkan lebih ramai pengguna elektrik melaksanakan amalan cekap tenaga sekali gus menyumbang kepada penjimatan penggunaan tenaga dan bil elektrik. Kerajaan menasarkan penjimatan tenaga sebanyak 153 GigaWattjoule (GWj) yang bersamaan dengan RM60.45 juta serta mampu mengurangkan pelepasan 103,890 tan karbon dioksida (CO<sub>2</sub>) bagi setiap tahun.

Berbanding Program SAVE 2.0 yang terhad kepada alat penyaman udara atau peti sejuk dengan nilai rebat sebanyak RM200, Program SAVE 3.0 menyediakan nilai e-rebat yang boleh ditebus hingga RM400 serta menawarkan lebih banyak pilihan peralatan elektrik. Terdapat dua kategori peralatan di bawah Program ini iaitu Kategori 1, peti sejuk dan penyaman udara, manakala Kategori 2, televisyen, mesin basuh, ketuhar gelombang mikro dan periuk nasi.

Bagi peralatan elektrik di bawah Kategori 1, nilai e-rebat yang boleh ditebus untuk pembelian peti sejuk atau penyaman udara ialah RM200. Di bawah Kategori 2 pula, nilai e-rebat yang disediakan adalah RM200 bagi televisyen, RM200 bagi mesin basuh, RM100 bagi ketuhar gelombang mikro atau RM50 bagi periuk nasi.

Rebat ini terhad kepada satu akaun sahaja bagi pembelian dalam tahun 2022, berdasarkan kepada *first come first serve basis*. Hanya warganegara Malaysia yang merupakan pemilik akaun elektrik tarif domestik berdaftar dengan syarikat-syarikat utiliti (TNB, SESB, SEB dan NUR Power) layak memohon. Penerima e-rebat bagi Program SAVE 2.0, tidak layak untuk memohon bagi Kategori 1 Program SAVE 3.0.

Pengguna boleh memohon dan mendapatkan e-rebat **mulai 7 Januari 2022** melalui 2 kaedah iaitu dengan membawa bil elektrik terkini dan membuat **pembelian secara fizikal di kedai-kedai elektrik/pasar raya berdaftar** di bawah Program SAVE 3.0 atau memohon e-rebat dan membuat **pembelian secara dalam talian menerusi platform e-dagang** yang diiktiraf seperti Shopee, Lazada dan PG Mall.

Pengguna disaran merujuk panduan senarai kelengkapan elektrik dan harga rujukan (*Recommended Purchase Price - RPP*) serta membuat perbandingan harga bagi mendapatkan harga terbaik dan kos efektif atau untuk mendapatkan maklumat lanjut di [www.saveenergy.gov.my](http://www.saveenergy.gov.my).

**YB DATUK SERI TAKIYUDDIN BIN HASSAN  
MENTERI TENAGA DAN SUMBER ASLI**

**7 JANUARI 2021**

